

## PERSEPSI PELAJAR TERHADAP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TAFSIR DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

*Wan Nasyrudin Wan Abdullah<sup>1</sup>, Bunyamin Abdul Rahman<sup>2</sup>, Haziyah Husin<sup>3</sup>  
& Hamdi Ishak<sup>4</sup>*

*Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia  
tokwed@ukm.edu.my<sup>1</sup>, abunasreen06@gmail.com<sup>2</sup>, haziyah@ukm.edu.my<sup>3</sup>,  
& hamdi@ukm.edu.my<sup>4</sup>*

### ABSTRACT

Tafseer is one of the important subjects that provides explanation on the science of Al-Quran which can give impacts to the students' lives. As time goes by, teaching and learning (T&L) of Tafseer Al-Quran require effective strategies to help students comprehend the knowledge of Al-Quran and be an expert in that area of study. One of the effective strategies that can be done is to combine both traditional and modern ways of teaching together with the use of appropriate technology to ease the students' learning in this course. Therefore, the purpose of this study is to identify the methods of teaching and learning Tafseer Al-Quran which implement effective strategies in Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) through the students' perception and their views on the importance of effective learning. This research used a descriptive analysis method in gaining data. Questionnaires have been distributed to 49 Tafseer students in the Department of Al-Quran and Al-Sunnah at UKM for data collection purposes. The data collected are then being analyzed using Statistical Packages for Social Sciences Windows (SPSS) to get the frequency, percentage and mean. The findings show that the students' perception towards the effectiveness of teaching and learning Tafseer in UKM are in the moderately higher level. Variety of methods are being implemented such as the use of whiteboard, lecture, class, question and answer session, storytelling, discussion with students and group activity in the class which can help to achieve the goal of teaching and learning Tafseer. Beside that, Blended learning which is the combination of traditional and modern methods of teaching with the use of powerpoint in learning Tafseer is also relevant to be used in education today. It is hoped that using a variety of Tafseer T&L, students can learn Tafseer effectively as these methods are suitable to be used in the university and it is also in line with the concern of the Ministry of Education Malaysia in the industry revolution 4.0.

Keywords: students' perception, teaching and learning, Tafseer Al-Quran, traditional and modern learning.

### ABSTRAK

Tafsir merupakan salah satu daripada mata pelajaran ilmu yang penting mengenai ilmu al-Quran yang memberi kesan dalam kehidupan pelajar. Seiring dengan perubahan zaman, pengajaran dan pembelajaran (PdP) Tafsir al-Quran memerlukan strategi yang berkesan untuk melahirkan pelajar yang memahami kandungan al-Quran dan mahir dalam bidang ini. Strategi tersebut merangkumi aplikasi PdP Tafsir yang menggabungkan nilai-nilai tradisional dan moden serta penggunaan teknologi maklumat yang bersesuaian untuk memudahkan pelajar memahami kursus ini. Terkesan dengan PdP ini, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti PdP Tafsir yang menggunakan strategi berkesan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menerusi pandangan pelajar terhadap keberkesanan PdP tersebut serta cadangan mereka tentang keperluan pembelajaran berkesan. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan berbentuk deskriptif. Instrumen soal selidik digunakan dalam proses pengumpulan data ke atas 49 orang pelajar yang sedang mengikuti kursus Tafsir di Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah (JPQS) UKM. Data yang diperolehi dianalisis

menggunakan Statistical Packages for Social Sciences Windows (SPSS) bagi mendapatkan kekerapan, peratusan dan min. Dapatan kajian ini menunjukkan persepsi pelajar terhadap keberkesanan PdP Tafsir di UKM berada di tahap sederhana tinggi. Kepelbagaian kaedah digunakan, seperti papan tulis “white board”, penyampaian ilmu secara lisan, kuliah, soal jawab, bercerita, perbincangan atau berdiskusi bersama pelajar dan kerja berkumpulan di dalam kelas ini mampu merealisasikan matlamat PdP Tafsir. Selain itu, kaedah “blended learning” iaitu mengkombinasikan antara kaedah pembelajaran secara tradisional dan moden serta penggunaan power point dalam pembelajaran Tafsir adalah bersesuaian dengan suasana pendidikan masa kini. Dengan kepelbagaian PdP Tafsir diharap ianya dapat merealisasikan keberkesanan pengajian Tafsir dalam diri pelajar dan kaedah ini amat sesuai digunakan di universiti kerana ianya selari dengan kehendak Kementerian Pendidikan Malaysia menerusi revolusi industri 4.0.

Kata kunci: Persepsi pelajar, Pengajaran dan pembelajaran, Tafsir al-Quran, pembelajaran tradisional dan moden.

## **PENDAHULUAN**

Tafsir merupakan salah satu komponen mata pelajaran Pengajian Islam yang turut dipelajari di Malaysia. Tafsir merupakan satu ilmu al-Quran yang telah memainkan peranan penting, ianya memerlukan strategi PdP yang berkesan dengan mempraktikkan pengajaran yang dikemukakan oleh pakar ilmuwan dalam bidang pendidikan supaya pelajar dapat menguasai ilmu Tafsir secara berkesan bagi melahirkan pelajar yang memahami kandungan al-Quran dan mahir dalam bidang ini. Tafsir berkembang selari dengan perkembangan Islam dan pengajarannya mendapat sambutan yang baik di kalangan masyarakat di Malaysia.

Tafsir dipercayai mula diajar seperti mana komponen-komponen mata pelajaran lain. Secara umumnya, Tafsir ini mula diajar secara tidak formal di rumah tuan guru yang mahir pada ketika itu. Kemudian, ilmu Tafsir ini berkembang apabila ia mula diajar di institusi pengajian Islam seperti pengajian pondok dan madrasah, ia diajar sebagai huraian bagi mentafsirkan ayat-ayat suci al-Quran oleh tuan guru. Seterusnya, ilmu Tafsir mula diperkenalkan di sekolah-sekolah agama (Ismail Yusof, 1995) apabila ia mula diajar secara formal menggunakan sukatan mata pelajaran tertentu. Perkembangan di dalam pengajian Tafsir ini terus berlaku sehingga ke hari ini apabila ilmu Tafsir telah diperkenalkan di peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia (IPTA). Pengajian Tafsir menyaksikan perkembangan yang menggalakkan dengan adanya IPTA yang menawarkan kursus-kursus pengajian dalam pelbagai ilmu antaranya Tafsir al-Quran (Haziyah & Latifah 2013) termasuklah UKM menawarkan kursus pengajian Tafsir al-Quran secara khusus di JPQS, Fakulti Pengajian Islam. Menurut Mustaffa Abdullah (2007), pengajian Tafsir diajar secara khusus di Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah. Manakala jabatan lain juga turut menawarkan pengajian Tafsir al-Quran antaranya Jabatan Usuluddin dan Syariah dengan mengutamakan ayat-ayat al-Quran yang sesuai dengan objektif dan misi jabatan masing-masing (Mustaffa Abdullah 2011).

Walaupun pengajian Tafsir al-Quran sudah lama berkembang di rantau ini, menurut Wahab Mad Salleh (1995), tahap penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar perlu ditingkatkan lagi bagi memahami isi kandungan kitab Tafsir al-Quran yang ditawarkan dalam bahasa Arab. Dengan penguasaan Bahasa Arab, pelajar dapat memahami kandungan dan makna ayat suci al-Quran secara terperinci sesuai dengan kaedah pentafsiran nas-nas yang terkandung dalam bahasa Arab dengan berkesan (al-Jabban, 2009). Dalam masa yang sama, keberkesanan PdP Tafsir sangat bergantung kepada keupayaan dan peranan pensyarah dalam pengajaran dan tutorialnya di bilik

kuliah dengan mengetahui tahap pemahaman pelajar terhadap kursus Tafsir yang ditawarkan bagi mencapai objektif PdP Tafsir. Dalam usaha memantapkan proses PdP, terlebih dahulu pensyarah harus mengenal pasti setiap permasalahan yang sering timbul, sama ada yang berkaitan dengan bahasa yang diajar, suasana pembelajaran dan isu yang berkaitan dengan pelajar ataupun pengajar itu sendiri. Selain itu, pihak pengajar perlu membuat pembaharuan strategi PdP Tafsir yang bersesuaian dengan perkembangan pendidikan semasa berdasarkan tahap pemahaman pelajar yang mempunyai tahap pemahaman yang berbeza antara satu sama lain (Wahab Mad Salleh 1995) serta bersesuaian dengan suasana pendidikan di universiti masa kini khususnya UKM yang merupakan salah sebuah institusi pengajian tinggi yang terkenal dan antara universiti tertua di Malaysia (Sarifah Norzaidatul Azmiah, 2007).

Dalam kajian ini, penulis menggunakan instrumen soal selidik bagi melihat keberkesanan PdP Tafsir yang dijalankan di UKM. Kajian ini dijalankan ke atas pelajar tahun tiga yang telah mengikuti kursus Tafsir di JPQS UKM, mempunyai pengalaman pengajian mereka dalam bidang ini selama tiga tahun sama ada terdiri daripada kursus wajib mahupun elektif seperti Kitab Kajian Teks Tafsir, Tafsir Ayat-ayat Hukum, kajian Teks Tafsir dan Hadith, Tafsir Bandingan dan lainnya (Mustaffa Abdullah 2011; Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah 2017-2018). Dengan pendekatan gabungan antara subjek wajib dan elektif, diharap para pelajar dapat menguasai ilmu Tafsir dan menguasai metod yang digunakan oleh para ilmuwan Tafsir dengan baik serta dapat menguasai Bahasa Arab melalui pengajian teks Tafsir yang ditawarkan (Mustaffa Abdullah, 2011). Dengan mengikuti kursus Tafsir di UKM dan penguasaan Bahasa Arab, pelajar dapat memahami teks Tafsir dengan lebih mendalam bagi mencapai objektif UKM untuk melahirkan pelajar yang memahami kandungan al-Quran dan mahir dan dalam bidang Tafsir, melahirkan graduan yang berakhlak mulia, berfikiran kritis dalam menyelesaikan masalah masyarakat mengikut keperluan semasa (Fakulti Pengajian Islam, 2018). Di samping penyampaian isi pelajaran tentang pentafsiran ayat-ayat suci al-Quran yang di sampaikan oleh pensyarah kepada pelajar dengan menggunakan kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan kursus Tafsir serta mengkombinasikan antara kaedah pembelajaran tradisional dan moden seiring dengan perubahan zaman.

Selaras dengan perkembangannya, pengajian Tafsir al-Quran di JPQS, UKM telah melalui pelbagai perubahan terutama dari segi PdP yang dijalankan bersesuaian dengan suasana pengajian di IPTA masa kini. Sehubungan itu, kajian ini telah dijalankan untuk menganalisis PdP Tafsir di UKM serta keberkesannya menerusi persepsi pelajar Tafsir di JPQS UKM. Dapatan kajian ini diharap dapat membantu bagi meningkatkan lagi kualiti PdP Tafsir di peringkat universiti.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti PdP Tafsir yang dijalankan menerusi persepsi pelajar dengan memfokuskan kepada pelajar yang mengikuti program pengajian Tafsir dalam bidang pengkhususan di JPQS UKM. Kajian ini juga dilaksanakan bagi melihat PdP Tafsir yang berkesan dan realiti PdP Tafsir yang diamalkan di JPQS UKM. Selain itu, kajian ini juga dilaksanakan bagi melihat tahap pemahaman pelajar terhadap penyampaian kursus Tafsir yang ditawarkan. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat pandangan dan cadangan pelajar terhadap keberkesanan PdP Tafsir serta keperluan mereka tentang kaedah pembelajaran yang diamalkan di JPQS UKM secara berkesan.

## **METODE KAJIAN**

Dalam kajian tinjauan ini penulis menggunakan instrumen soal selidik untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap PdP Tafsir yang dijalankan di JPQS UKM. Soal selidik ini terbahagi kepada 5 bahagian, iaitu; Bahagian A berkaitan dengan latar belakang responden. Bahagian B mempunyai 16 item berkaitan dengan persepsi pelajar terhadap PdP Tafsir yang berkesan. Dalam soal selidik ini, penulis menggunakan Skala lima likert, iaitu; 1-Sangat tidak setuju (STS); 2-Tidak setuju (TS); 3-Kurang setuju (KS); 4-Setuju (S); 5-Sangat setuju (SS). Manakala bahagian C pula berkaitan dengan kaedah popular yang diamalkan dalam PdP Tafsir. Bahagian D pula, pengkaji akan menyentuh mengenai tahap pemahaman pelajar terhadap PdP Tafsir. Seterusnya, bahagian E akan disentuh mengenai cadangan pelajar tentang PdP Tafsir yang berkesan dan sesuai untuk dilaksanakan di peringkat IPTA pada akhir abad ke-21.

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan berbentuk deskriptif. Instrumen soal selidik digunakan dalam proses pengumpulan data, manakala pemilihan responden pula, penulis menggunakan kaedah persampelan rawak berstrata. Bagi mengenal pasti PdP Tafsir berkesan menerusi persepsi pelajar di JPQS-UKM, penulis memilih pelajar Tafsir yang terdiri daripada 49 orang pelajar tahun tiga yang mengikuti kursus Tafsir di JPQS. Data yang diperolehi ini di analisa secara deskriptif menggunakan frekuensi, peratusan dan min bertujuan untuk melihat tahap keberkesanan bagi memperincikan penjelasan item berkaitan dengan setiap konstruk yang diuji. Dapatan kajian ini dianalisis berpandukan jadual interpretasi skor min yang dirumuskan oleh Nunnally dan Bernstein seperti yang diaplikasikan oleh Azhar Ahmad (2006) iaitu; (4.01-5.00=Tinggi (T), (3.01-4.00=Sederhana Tinggi (ST), (2.01-3.00=Sederhana Rendah (SR) dan (1.00 - 2.00=Rendah (R).

## **DAPATAN KAJIAN**

Kajian ini telah dijalankan di UKM yang merupakan salah sebuah IPTA tertua di Malaysia. UKM juga dikenali sebagai sebuah universiti kajian yang diletakkan di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan Tinggi sejak tahun 2004 lagi (Hussein 2014; Mohamed Akhiruddin 2017a). Kajian ini melibatkan 49 orang responden yang dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan rawak berstrata. Hasil dapatan kajian ini dianalisis menggunakan SPSS bagi mendapatkan kekerapan, peratusan dan min. Dalam kajian, penulis membahagikan kepada lima bahagian, iaitu; bahagian A, B, C, D dan E adalah seperti berikut;

### **Bahagian A: Latar belakang Responden**

Kajian ini melibatkan 49 orang responden iaitu 33 orang (67.3%) terdiri daripada pelajar perempuan dan 16 orang (32.7%) terdiri daripada pelajar lelaki. Daripada jumlah keseluruhan adalah seramai 49 orang responden. Kebanyakan responden adalah terdiri daripada pelajar perempuan kerana terdapat lebih banyak pelajar perempuan dibandingkan dengan pelajar lelaki di universiti awam Malaysia (Mohamed Akhiruddin 2017b). Daripada 49 orang responden, terdapat 16 orang daripadanya (32.7%) adalah dari STAM, 13 orang (26.5%) daripada STPM dan 20 orang (40.4%) adalah lepasan diploma dan pendidikan lain. Menurut Aderi dan Ahmad Yunus (2012); Mohd Aderi (2013), pelajar-pelajar yang terlibat terdiri daripada pelajar berlatar berlatarkan Pendidikan Islam yang masing-masing telah memepelajari kandungan al-Quran dan al-Sunnah sejak pengajian mereka di peringkat sekolah menengah lagi.

**Bahagian B: Pengajaran dan pembelajaran Tafsir yang berkesan**

Secara umumnya, jadual 1 menunjukkan hasil dapatan keseluruhan kajian yang telah dijalankan mengenai persepsi pelajar terhadap PdP Tafsir al-Quran yang berkesan di JPQS UKM berada di tahap sederhana tinggi. Ia mengandungi min, sisihan piawai, peratusan, kekerapan dan interpretasi min seperti jadual di bawah;

Jadual 1: Kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai dan tahap persepsi pelajar terhadap PdP Tafsir.

Bil	Item	Kekerapan & Peratusan (N=49)					Min	SP	Tahap
		STS	TS	KS	S	SS			
A1	Membolehkan pelajar mengaplikasikan ilmu dalam kehidupan mereka untuk menyelesaikan isu semasa dalam bidang Tafsir al-Quran	1 2.0%	2 4.1%	1 2.0%	24 49%	21 42.9%	4.26	0.86	T
A2	Menyumbang kepada perkembangan pemikiran serta inovasi di kalangan pelajar dalam bidang Tafsir	0 0%	2 4.1%	6 12.2%	25 51%	16 32.7%	4.1	0.78	T
A3	Pelajar dapat memahami kandungan Tafsir al-Quran dengan lebih baik	1 2.0%	1 2.0%	2 4.1%	25 51%	20 40.8%	4.2	0.81	T
A4	Membolehkan pelajar memberi tumpuan semasa proses pembelajaran	0 0%	3 6.1%	10 20.4%	24 49%	12 24.5%	3.91	0.83	ST
A5	Berupaya menyampaikan pengajaran kepada pelajar dengan menggunakan maklumat yang diperolehi	0 0%	3 6.1%	9 18.4%	18 36.7%	19 38.8%	4.08	0.90	T
A6	Menjadikan pengajaran bernilai dalam diri pelajar	0 0%	0 0%	11 22.4%	21 42.9%	17 34.7%	4.12	0.75	T
A7	Membangkitkan semangat pelajar supaya menambahkan bacaan	1 0%	0 0%	8 16.3%	24 49%	16 32.7%	4.10	0.82	T
A8	Gambaran maklumat yang berguna dengan cara yang mudah untuk dipraktikkan	1 2.0%	1 2.0%	16 32.7%	26 53.1%	5 10.2%	3.67	0.77	ST
A9	Mempamerkan kepelbagaian kaedah pengajaran semasa mengajar	1 2.0%	6 12.2%	12 14.5%	22 44.9%	8 16.3%	3.61	0.97	ST
A10	Mendorong untuk belajar secara individu bagi menambahkan ilmu pengetahuan	1 2.0%	3 6.1%	11 22.4%	24 49%	10 20.4%	3.79	0.91	ST

A11	Pensyarah menggunakan kaedah mendengar serta melihat berdasarkan pendekatan metode nabi s.a.w.	0 0%	2 4.1%	11 22.4%	22 44.9%	14 28.6%	3.97	0.82	ST
A12	Menarik minat pelajar terhadap pelajaran Tafsir	0 0%	3 6.1%	10 20.4%	23 46.9%	13 26.5%	3.93	0.85	ST
A13	Mengambil kira tahap kemampuan pelajar dari segi akal fikiran	0 0%	3 6.1%	15 30.6%	20 40.8%	11 22.4%	3.79	0.86	ST
A14	Menjadikan pelajar dapat berfikir secara teliti	0 0%	4 8.2%	6 12.2%	22 44.9%	17 34.7%	4.06	0.89	T
A15	Menggunakan kaedah komunikasi moden di dalam dan luar universiti seperti e-mail	1 2.0%	2 4.1%	9 18.4%	19 38.8%	18 36.7%	4.04	0.95	T
A16	Menggunakan kaedah komunikasi moden dalam pengajaran seperti penggunaan multimedia dan "Online Learning"	2 4.1%	7 14.3%	13 26.5%	19 38.8%	8 16.3%	3.48	1.06	ST
<b>Jumlah</b>							<b>3.71</b>	<b>0.81</b>	<b>ST</b>

Sumber: Instrumen soal selidik PdP Tafsir di UKM

Berdasarkan jadual 1 di atas, dapatlah dinyatakan di sini bahawa persepsi pelajar terhadap PdP Tafsir yang berkesan di JPQS UKM berada dalam lingkungan nilai (min 3.48-4.26), terdapat 8 item berkaitan dengan persepsi pelajar terhadap keberkesanan PdP Tafsir di JPQS UKM mencatatkan nilai min pada tahap tinggi (min 4.01) ke atas, manakala 8 item lagi berada di tahap sederhana tinggi (min 3.48) ke atas. Perincian skor tersebut menunjukkan item A1 mencatatkan nilai min yang paling tinggi (min 4.26) iaitu membolehkan pelajar mengaplikasikan ilmu dalam kehidupan mereka untuk menyelesaikan isu semasa dalam bidang Tafsir al-Quran. Skor min yang kedua tertinggi pula ialah item A6 dengan nilai (min 4.12), item A6 yang dimaksudkan ialah menjadikan pengajaran bernilai dalam diri pelajar. Skor min yang ketiga tertinggi pula ialah item A7 yang mencatatkan nilai (min 4.10), iaitu Membangkitkan semangat pelajar supaya menambahkan bacaan.

Manakala item yang mendapat interpretasi tahap sederhana tinggi pula ialah item no A8 dengan nilai (min 3.67), item A8 ialah gambaran maklumat yang berguna dengan cara yang mudah untuk dipraktikkan. Skor min yang kedua mendapat interpretasi tahap sederhana tinggi pula ialah item A9 yang mencatatkan nilai (min 3.61), iaitu mempamerkan kepelbagaian kaedah pengajaran semasa mengajar. Skor min yang ketiga sederhana tertinggi pula ialah item A16 (min 3.48), iaitu menggunakan kaedah komunikasi moden dalam pengajaran seperti penggunaan multimedia dan "Online Learning". Secara keseluruhan skor min bagi konstruk ini menunjukkan bahawa persepsi pelajar terhadap keberkesanan PdP Tafsir berada pada tahap sederhana tinggi seperti keterangan yang telah dinyatakan di atas.

### **Bahagian C: Kaedah popular dalam pengajaran dan pembelajaran Tafsir**

Pelajar JPQS UKM yang mempelajari kursus Tafsir al-Quran di JPQS telah didedahkan dengan pelbagai kaedah PdP. Merekalah yang menentukan sama ada kaedah yang digunakan membantu

pembelajaran mereka secara berkesan. Kaedah PdP yang berkesan merupakan kunci kejayaan seseorang pelajar, jika pelajar merasakan PdP yang diterima itu berkesan maka secara tidak langsung akan mempengaruhi kecemerlangan mereka dalam bidang pengajian dan dapat memahami kandungan al-Quran dengan lebih baik. Justeru, pensyarah juga perlu perihatin tentang penggunaan kaedah PdP bagi mencapai keberkesanan dalam PdP Tafsir yang diajar. Jadual 2 di bawah akan menjelaskan peratusan dan kekerapan setiap kaedah pengajaran popular yang diajar secara berkesan. Ianya disusun mengikut tahap kekerapan dan peratusan kaedah pembelajaran yang telah diterima oleh pelajar JPQS UKM sepanjang pengajian mereka adalah seperti berikut:

Jadual 2: Peratusan, kekerapan dan kedudukan kaedah popular dalam pengajaran

Bil	Kaedah	Peratus Persetujuan	Kedudukan
B1	Mencatat isi-isi penting dengan menggunakan papan tulis ( <i>white board</i> )	(46/49=93.9%)	1
B2	Penyampaian ilmu secara lisan	(46/49=93.9%)	1
B3	Penyampaian kuliah dengan penerangan yang jelas	(46/49=93.9%)	1
B4	Bercerita kisah disebalik surah atau ayat	(45/49=91.8%)	2
B5	Perbincangan atau berdiskusi bersama pelajar	(45/49=91.8%)	2
B6	Kaedah soal jawab	(44/49=89.8%)	3
B7	Kerja berkumpulan di dalam kelas	(43/49=87.8%)	4
B8	Pensyarah menggunakan nota ringkas ketika sesi pengajaran dan pembelajaran	(42/49=85.7%)	5
B9	Terjemahan ayat dalam surah	(41/49=83.7%)	6
B10	" <i>Blended learning</i> " iaitu pembelajaran campuran antara pembelajaran traditional mahupun moden	(41/49=83.7%)	6
B11	Menyampaikan maklumat dengan menggunakan Power Point	(41/49=83.7%)	6
B12	Internet seperti e-learning	(35/49=71.4%)	7
B13	" <i>Peer teaching</i> " iaitu melatih pelajar untuk mengajar pelajar yang lain	(33/52= 63.5%)	8
B14	Projek secara berkumpulan dengan bimbingan pensyarah seperti tugas praktikal atau amali	(32/52= 61.5%)	9
B15	" <i>Flipped classroom</i> ": Menukarkan sesi pembelajaran dengan penggunaan video di luar waktu kelas	(29/52=55.8%)	10
B16	Menggunakan peta minda bagi topik yang diajar	28/52= 53.8%)	11
B17	Penyediaan penggunaan komputer di makmal jabatan	(29/49=52.9%)	12
B19	" <i>Kahoot</i> " merupakan aplikasi interaktif online melalui pelbagai peranti seperti komputer, tablet dan telefon pintar	(21/49=42.9%)	13
B20	Tayangan video klip yang bersesuaian dengan subjek	(20/49=40.8%)	14

Sumber: Seperti di atas


Berdasarkan Jadual 2 di atas, didapati bahawa hampir keseluruhan pelajar yang mengikuti kursus Tafsir di JPQS UKM bersetuju dengan PdP Tafsir yang dijalankan seperti yang terdapat di item no B1, B2 & B3 ( $46/49=93.9\%$ ), iaitu pelajar berpendapat bahawa kaedah mencatat isi-isi penting dengan menggunakan papan tulis (white board), penyampaian ilmu secara lisan dan penyampaian kuliah dengan penerangan yang jelas adalah berkesan dalam membantu proses pembelajaran mereka dengan menyatakan bahawa mereka kerap menerima ilmu Tafsir menggunakan kaedah ini. Selain itu, sebilangan besar pelajar JPQS-UKM berpendapat bahawa kaedah bercerita kisah yang terkandung di sebalik surah atau ayat serta kaedah perbincangan atau berdiskusi bersama pelajar yang terdapat di item B4 & B5 ( $45/49=91.8\%$ ) dan pelajar menyatakan bahawa kaedah tersebut merupakan kaedah kedua paling kerap diterima. Seterusnya, kaedah soal jawab iaitu item B6 ( $44/49=89.8\%$ ) turut menyumbang ke arah kecemerlangan mereka dalam pendidikan dan merasakan kaedah tersebut merupakan kaedah ketiga yang kerap diterima. Seterusnya, pelajar bersetuju dengan kaedah kerja berkumpulan di dalam kelas yang terdapat di item B7 ( $43/49=87.8\%$ ) iaitu menggunakan nota ringkas ketika sesi pengajaran dan pembelajaran yang terdapat di item B8 ( $42/49=85.7\%$ ). Sementara kaedah terjemahan ayat dalam surah bagi kursus Tafsir, “Blended learning” iaitu pembelajaran campuran antara pembelajaran tradisional mahupun moden dan menyampaikan maklumat dengan menggunakan power point yang terdapat di item B9, B10 & B11 ( $41/49=83.7\%$ ) juga adalah berkesan, pelajar menyatakan kaedah tersebut telah diterima sepanjang pengajian di JPQS-UKM.

Berdasarkan keputusan peratus kekerapan yang dibincangkan, dapatlah disimpulkan bahawa PdP yang paling kerap diterima pelajar di JPQS-UKM ialah kaedah mencatat isi-isi penting dengan menggunakan papan tulis, penyampaian ilmu secara lisan, penyampaian kuliah dengan penerangan yang jelas adalah berkesan dan mereka juga kerap menerima kaedah bercerita kisah yang terkandung di sebalik surah atau ayat, perbincangan atau berdiskusi bersama pelajar serta kaedah soal jawab turut menyumbang ke arah kecemerlangan mereka dalam bidang Tafsir berbanding kaedah lain. Manakala pengajaran menggunakan “Kahoot” yang merupakan aplikasi interaktif online melalui pelbagai peranti seperti komputer, tablet dan telefon pintar seperti yang terdapat di item B19 ( $21/49=42.9\%$ ) dan B20 ( $20/49=40.8\%$ ) iaitu tayangan video klip didapati kurang diamalkan dalam kalangan pensyarah di JPQS-UKM.

#### **Bahagian D: Tahap pemahaman pelajar terhadap PdP Tafsir.**

Bagi menjalani proses pengumpulan data dalam kajian ini, penulis menggunakan instrumen soal selidik. Soal selidik ini diedarkan kepada pelajar yang mengikuti kursus Tafsir di JPQS-UKM bagi mengenal pasti tahap pemahaman pelajar menerusi persepsi mereka terhadap PdP Tafsir yang di jalankan secara berkesan di UKM. Hasil dapatan kajian soal selidik yang telah dijalankan didapati bahawa peratusan tahap pemahaman pelajar adalah berada ditahap baik seperti rajah 1 berikut;

Rajah 1: Tahap pemahaman pelajar terhadap PdP Tafsir





Berdasarkan rajah 1 di atas, didapati bahawa tahap pemahaman pelajar terhadap kursus Tafsir adalah berada ditahap baik. Tahap pemahaman pelajar akan dijelaskan menerusi peratusan, kekerapan dan kedudukan tahap pemahaman mereka terhadap PdP Tafsir di JPQS UKM. Hanya seorang pelajar 1 (2.0%) menyatakan bahawa tahap pemahaman beliau adalah lemah dan 22 (45%) pelajar menyatakan tahap pemahaman mereka adalah sederhana. Manakala 23 (47%) berada ditahap baik dan 3 (6.0%) berada ditahap sangat baik menjadikan 26 (53%) daripada pelajar menyatakan bahawa mereka dapat memahami kursus Tafsir dengan baik sepanjang pengajian. Secara unumnya, pelajar berpuas hati dengan PdP Tafsir di UKM, namun pemahaman sebahagian pelajar di FPQS UKM masih berada ditahap sederhana dalam memahami isi kandungan kursus Tafsir yang ditawarkan dalam bahasa Arab.

### **Bahagian E: Cadangan pelajar tentang kaedah pengajaran dan pembelajaran berkesan**

Hasil daripada kajian yang telah dijalankan, didapati bahawa PdP Tafsir yang berkesan dicadangkan oleh pelajar yang mengikuti kursus pengajian Tafsir di JPQS UKM adalah seperti di bawah;

- E1 Pelajar mencadangkan agar pensyarah JPQS UKM mempelbagaikan kaedah PdP Tafsir. Pensyarah JPQS UKM juga disarankan agar mengkombinasikan antara pembelajaran traditional mahupun moden bagi menarik minat pelajar dalam sesi pembelajaran seperti penggunaan slide ketika menyampaikan ilmu di bilik kuliah.
- E2 Pelajar memohon agar pensyarah mempelbagaikan kaedah penyampaian yang boleh menarik perhatian pelajar seperti pengajaran melalui media massa, mempelajari kitab dengan berpusatkan pelajar sama ada secara individu atau berkumpulan, serta mengadakan sesi diskusi dan sebagainya.
- E3 Pelajar juga mencadangkan agar pensyarah menggunakan kaedah pembelajaran Tafsir melalui e-learning, blended learning, multimedia dalam pembelajaran Tafsir, menggunakan kemudahan teknologi seperti kahoot, Memperbanyakkan penggunaan perisian komputer serta menggunakan Bahan Bantu Mengajar (BBM) seperti maktabah syamilah dan PdP yang bersesuaian dengan mahasiswa IPTA masa kini.
- E4 Pelajar mencadangkan, disamping pengajian talaqqi di dalam kelas bagi sesi pembelajaran, pensyarah juga perlu menggabungkan metodologi dan kaedah pembelajaran Tafsir seperti yang disampaikan oleh tokoh-tokoh ulama terdahulu dan masa kini serta membuat perbandingan antara Tafsir bi al-Ma'thur dan al-Rra'yi dan menggunakan kaedah banding beza antara surah-surah yang terdapat didalam sukatan kursus Tafsir yang diajar di UKM.
- E5 Selain itu, pelajar juga mencadangkan agar pensyarah menggunakan kaedah bercerita tentang kisah-kisah nabi terdahulu semasa menyampaikan sesi syarahan bagi kursus Tafsir. Ini akan memudahkan pelajar memahami kursus Tafsir dengan lebih berkesan.

### **PERBINCANGAN**

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dijalankan, didapati bahawa persepsi pelajar yang mengikuti kursus Tafsir di JPQS-UKM terhadap PdP Tafsir berada pada tahap kedudukan "sederhana tinggi". Antara kedudukan item yang paling tinggi ialah item A1 mencatatkan nilai min yang paling tinggi (min 4.26) iaitu membolehkan pelajar mengaplikasikan ilmu dalam kehidupan mereka untuk menyelesaikan isu semasa dalam bidang Tafsir al-Quran. Manakala item A6 yang mendapati interpretasi tahap tinggi dengan nilai (min 4.12) iaitu menjadikan pengajaran bernilai dalam diri pelajar. Manakala item A7 yang mendapati interpretasi tahap tinggi yang mencatatkan nilai (min 4.10) iaitu membangkitkan semangat pelajar supaya menambahkan bacaan. Ini membuktikan bahawa pelajar mempunyai persepsi yang optimis terhadap pensyarah dalam proses PdP Tafsir. Peranan pensyarah terhadap membina kepercayaan dan minat terhadap Tafsir perlu diletakkan sebagai penanda aras penting dalam PdP Tafsir dan pelajar merasa berpuas

hati mempelajari Tafsir serta tidak merugikan masa mereka. Justeru, jika pelajar tahu secara jelas antara tujuan mempelajari Tafsir adalah untuk memahami kandungan al-Quran yang merupakan rujukan dan panduan utama dalam Islam, pelajar akan lebih fokus terhadap PdP Tafsir yang diajar. Manakala Item yang mendapat interpretasi tahap sederhana tinggi pula ialah item no A8 dengan nilai (min 3.67), iaitu pelajar berpendapat bahawa kaedah pembelajaran memberi gambaran maklumat yang berguna dengan cara yang mudah untuk dipraktikkan dalam kehidupan mereka. Manakala item A9 yang mencatatkan nilai (min 3.61), iaitu mempamerkan kepelbagaian kaedah pengajaran yang digunakan semasa mengajar dan item no A16 pula dengan (min 3.48) iaitu pensyarah menggunakan kaedah komunikasi moden dalam pengajaran seperti penggunaan multimedia dan "Online Learning". Secara keseluruhan skor min bagi konstruk ini menunjukkan bahawa persepsi pelajar terhadap PdP Tafsir yang berkesan berada pada tahap sederhana tinggi. Jelas di sini bahawa persepsi pelajar terhadap pensyarah masih memberi impak positif dalam meningkatkan keyakinan mereka terhadap PdP Tafsir. Antara impak positif yang dapat memberikan hasil kepada pelajar adalah melalui pengajaran Tafsir ini sehinggalah pelajar dapat memahami kandungan al-Quran dan membolehkan pelajar mengaplikasikan ilmu dalam kehidupan mereka serta dapat menambahkan penguasaan ilmu al-Quran dengan lebih berkesan. Antara Bukti ini dapat dilihat daripada item no A1 yang berada pada tahap tinggi dengan nilai min 4.26.

Besar kemungkinan persepsi pelajar terhadap PdP Tafsir dipengaruhi oleh kaedah pembelajaran yang kreatif menyebabkan tindak balas positif untuk menarik minat pelajar dalam pembelajaran Tafsir. Skinner dalam Elliot et al. (2000) berpendapat bahawa seorang guru perlulah kreatif dalam mencari kaedah pengajaran bagi menimbulkan tindakbalas positif untuk menarik minat pelajar dalam pembelajaran mereka dengan memilih Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang sesuai seperti pengajian berbantuan komputer kerana beliau berpendapat bahawa penggunaan BBM tersebut dapat meningkatkan minat pelajar dan dapat memotivasikan mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dengan menggunakan kaedah pembelajaran aktif, kreatif dan kepelbagaian kaedah pembelajaran serta penggunaan BBM yang sesuai dapat menarik minat pelajar dan memotivasikan mereka dalam pembelajaran Tafsir seperti yang terdapat di item B1-B11 berkenaan PdP popular yang telah diterima oleh pelajar sepanjang pengajian mereka di JPQS-UKM dengan berkesan, iaitu penyampaian ilmu secara lisan, penyampaian kuliah dengan penerangan yang jelas, bercerita kisah disebalik surah atau ayat, kaedah perbincangan atau berdiskusi bersama pelajar, soal jawab, kerja berkumpulan di dalam kelas, penggunaan nota ringkas ketika sesi pengajaran dan pembelajaran, terjemahan ayat dalam surah, "Blended learning" dan menyampaikan maklumat dengan menggunakan power point juga turut menyumbang ke arah kefahaman dan kecemerlangan mereka dalam bidang Tafsir.

Hasil pembelajaran di JPQS UKM, para pelajar berminat untuk mendalami ilmu Tafsir sama ada kursus wajib mahupun elektif serta berpuas hati dengan PdP Tafsir di UKM, namun pemahaman sebahagian pelajar masih berada ditahap sederhana dalam memahami kandungan kursus Tafsir yang ditawarkan dalam Bahasa Arab. Melalui pendekatan pengajian teks Tafsir yang diajar di JPQS UKM sama ada kursus wajib atau elektif tersebut, diharap para pelajar dapat meningkatkan lagi tahap pemahaman mereka bagi memahami kandungan Tafsir al-Quran. Seterusnya dapat menguasai Bahasa Arab dengan baik melalui pengajian Tafsir yang ditawarkan (Mustaffa Abdullah, 2011) disamping menarik minat pelajar dengan mempelbagaikan kaedah PdP Tafsir yang sesuai. Menurut Qasim Ahmad (1998) menyatakan bahawa mempelbagaikan penggunaan kaedah dan strategi pengajaran merupakan satu elemen yang penting bagi menyesuaikan dengan keadaan setiap pelajar yang datang untuk mempelajari ilmu di institusi atau pusat pengajian tertentu dengan suasana pengajian yang sesuai. Menurut pendapat Thorndike dalam

Elliot, et al. (2000) iaitu pembelajaran akan lebih berkesan jika diajar dalam suasana yang sesuai dengan kehendak diri pelajar. Tambahan pula diajar mengikut tahap kebolehan dan kesesuaian pelajar dengan memenuhi keperluan mereka mengikut tuntutan semasa seperti yang disarankan oleh kementerian pendidikan menerusi revolusi industri 4.0, antaranya pembelajaran menggunakan kaedah “blended learning”, pembelajaran atas talian atau “online learning”, Flipped Classroom, penggunaan multimedia dalam PdP Tafsir dan pelbagai lagi bentuk pembelajaran interaktif yang bersesuaian selari dengan perkembangan pengajian Tafsir di peringkat universiti pada masa kini.

## KESIMPULAN

Hasil dapatan kajian yang telah dijalankan ini, didapati bahawa persepsi pelajar yang mengikuti kursus Tafsir di JPQS UKM terhadap PdP Tafsir berada pada tahap sederhana tinggi. Namun begitu, pelajar JPQS perlu diberi galakkan dalam pembelajaran mereka bagi memastikan penguasaan mereka dalam bidang ilmu Tafsir dapat ditingkatkan. Hasil dapatan kajian, dapatlah disimpulkan disini bahawa pelajar JPQS bersetuju dengan kaedah pembelajaran yang dijalankan bagi membantu mereka dalam proses pembelajaran. Kaedah PdP berkesan yang diamalkan oleh pensyarah serta dapat dikenal pasti keberkesanannya patut diaplikasikan agar pencapaian pelajar dalam bidang Tafsir dapat dipertingkatkan lagi dari semasa ke semasa. Disamping itu, Hasil kajian ini juga didapati bahawa pelajar berpuas hati dengan PdP Tafsir di JPQS UKM, namun masih terdapat sebahagian pelajar yang kurang mahir dalam penguasaan Bahasa Arab bagi memahami kursus Tafsir yang ditawarkan. Minat tersebut perlu diasuh dalam diri pelajar bagi meningkatkan prestasi mereka ke arah pembelajaran yang lebih berkesan. Dengan kepelbagaian pendekatan kaedah PdP Tafsir menjadi elemen penting dalam usaha menarik perhatian dan minat pelajar dalam pembelajaran mereka. Selain itu, pihak yang terlibat secara langsung dalam bidang Tafsir perlu lebih peka terhadap perubahan pendekatan kaedah PdP Tafsir dengan menggunakan kaedah pengajaran yang lebih berkesan. Oleh itu, wajarlah UKM amnya dan pensyarah JPQS khususnya mempersiapkan diri dengan kaedah pengajaran yang berkesan agar pelajar mendapat manfaat yang sewajarnya. Pensyarah juga perlulah mempelbagaikan kaedah PdP Tafsir dalam menyampaikan ilmu kepada pelajar dengan menggunakan kaedah teradun antara pengajaran tradisional mahupun moden serta yang dilihat bersesuaian dengan pelajar bagi menarik minat mereka dalam pelajaran Tafsir.

## RUJUKAN

- Al-Jabban, Riyad ‘Arif (2009). *Al-Wasa’il al-Ta’limiyyah wa Tara’iq al-Tadris*, Dimasyq: Dar al-‘Asama’.
- Azhar Ahmad (2006). *Strategi pembelajaran pengaturan sendiri pendidikan Islam dan penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah di Sarawak*. Tesis Dr. Fal., Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Elliot, S.N., Kratochwill, T.R., Cook, J.L., & Travers, J.F. 2000. *Educational Psychology*. Ed. ke3. McGraw Hill Book Co : Singapore.
- Fakulti Pengajian Islam, <http://www.ukm.my/fpi/vision-mission-and-objective-3/>. Diakses pada 14.12.2018.
- Hussein Ahmad. (2014). *An Overview of the Malaysian Higher Education Issues and Challenges*. Malaysian Online Journal of Educational Management (Mojem). Januari 2014, Volume 2, Issue 1, 10-19 E-Issn No: 2289-4489.
- Haziyah Hussin & Latifah Abdul Majid. (2013). *Early Development of Quranic Exegesis In Malaysia*. International Journal of Asian Social Science, 3(8).
- Ismail bin Yusoff, 1995, “*Perkembangan pengajian dan penulisan tafsir di Malaysia*” Ijazah Dr-falsafah (Ph,D), Fakulti Usuluddin, APIUM, Kuala Lumpur. BP130.8 Ismy.

- Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, dalam Panduan Prasiswazah Sesi Akademik 2017-2018, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamed Akhiruddin Ibrahim, Zulkifli Haji Mohd Yusoff, Adnan Mohamed Yusoff, Mohammad Hikmat Shaker, Shahiran Sulaiman, Ahmad Shahir Mohd Shah dan Nur Sakinah Razali (2017a). *The Perception on Ulum al-quran Course: A Comparative Study Between Research Universities*. International E-Journal of Advances in Education. April 2017, Volume 3, Number 7, (INT) e-ISSN: 2411-1821.
- Mohamed Akhiruddin Ibrahim, Zulkifli Mohd Yusoff, Azizah Abdul Majid and Fatin Wahidah Safiai. (2017b). *The Understanding among Students Toward the Importance of Restraining the Tongue in Accordance with the Quran*. Journal of Engineering and Applied Sciences, 2017, Volume: 12, Issue: 13, page No: 3477-3488, DOI: 10.3923/jeasci.2017.3477.3484.
- Mohd Aderi Che Noh and Ahmad Yunus Kasim (2012). *Teaching of Islamic Doctrine and Beliefs in School Subject Content Knowledge and Pedagogical Considerations*. International Journal of Humanities and Social Science Vol. 2 No. 11: June 2012.
- Mohd Aderi Che Noh, Amjad Hussein, Othman Ghani and Asmawati Suhid (2013). *The Study of al-Quranic Teaching and Learning: A Review in Malaysia and United Kingdom*. Middle-East Journal of Scientific Research 15 (10): 1338-1344, 2013 ISSN 1990-9233 © IDOS Publication, 2013 DOI: 10.5829/idosi.mejsr.2013.15.10.11509.
- Mustafa Abdullah (2011), *Khazanah Tafsir di Nusantara*, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Qasim Ahmad (1998). *Pengajaran dan pembelajaran : Komponen penting kurikulum*, Seminar kualiti pengajaran dan pembelajaran, sekolah dan pentadbiran social, Universiti Malaysia Sabah. Kota Kinabalu, Sabah.
- Sarifah Norzaidatul Azmiah binti Ishak 2007, *Pengajian Tafsir di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)*, Ijazah Sarjana Muda, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akadaemi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Wahab Mad Salleh et.al.(1995), *Pembaharuan Dalam Tafsir al-Quran*, FPI UKM dalam Seminar al-Quran & Isu-isu semasa II Peringkat kebangsaan 12-13 September 1995.